



أمانة تاهود بهارو

AMANAT TAHUN BAHARU 2022

MENTERI BESAR KELANTAN

03 JAMADIL AKHIR
1443 ➤ 06 JANUARI
2022

مرعيت ممباعون برسام اسلام

Keberkatan ➤ Kemakmuran ➤ Kebajikan





قال الله تعالى:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُولَمَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ
شَدِيدٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia.

(Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan agama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

AL-HADID : 25



PENGHARGAAN

Saya mengucapkan penghargaan kepada semua yang hadir yang terdiri daripada warga perkhidmatan awam negeri dan persekutuan pada amanat saya bagi tahun 2022 ini.

Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan melambangkan kebersamaan kearah menjayakan dan merakyatkan dasar

Membangun Bersama Islam





SELAMAT TAHUN BAHARU 2022

kepada seluruh warga perkhidmatan awam negeri Kelantan





Semoga kedatangan tahun 2022 akan memberikan kepada kita semua satu keazaman dan motivasi untuk menggalas amanah dan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi dan meningkatkan pencapaian Kerajaan Negeri





Marilah kita sama-sama merenung kembali dan membuat penilaian terhadap prestasi dan pencapaian kita sepanjang tahun lalu untuk kita mengetahui kedudukan kita pada masa ini dan menetapkan hala tuju pada masa hadapan demi mencapai matlamat yang dicita-citakan



Saya bersyukur rakyat Kelantan telah menunjukkan keprihatinan yang tinggi bagi membantu mangsa – mangsa banjir terutama di Pahang dan Selangor.



Kerajaan Negeri melalui sumbangan Tabung Serambi Mekah telah menghulurkan sumbangan **RM 200 ribu** kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Selangor sebagai tanda solidariti bersama



Saya juga mengucapkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas kerjasama erat dalam pengurusan banjir pada tahun ini termasuklah penyaluran bantuan wang ihsan banjir.





Daripada Aisyah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلاً أَنْ يُتْقِنَهُ

"Sesungguhnya Allah mencintai seseorang mengerjakan sesuatu pekerjaan, ia mengerjakannya secara profesional"

[HR al-Tabarani, HR al-Bayhaqi]





Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri tahun 2021 kekal berdaya tahan walaupun beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang lebih mencabar akibat pandemik COVID-19. Kerajaan kekal optimis bagi menambah baik pengurusan kewangan dan mempergiatkan usaha untuk mempelbagaikan asas hasil negeri.





PRESTASI AKAUN SEMASA KERAJAAN NEGERI



RM 47.61 **juta**

LEBIHAN SEMASA

RM 2.17 **juta** ➤

PENINGKATAN

4.77%





Prestasi yang baik di uruskan melalui pelan – pelan tindakan transformasi kewangan ke arah matching diantara hasil dan belanja melalui rasionalisasi semula kutipan hasil, kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan bagi menghadapi kebiasaan baharu



Lebihan hasil ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk program-program rakyat bagi pemulihan pasca COVID-19, program-program kebijakan rakyat dan pembangunan insan





Ini merupakan satu konsep yang memerlukan keseimbangan dalam pentadbiran dan pembangunan. Sebarang ketidakseimbangan mahupun keterlanjuran atau pelampauan dalam penggunaan nikmat Allah SWT ini akan menjasakeseimbangan dan keharmonian sesama manusia.



مجلس قیرهن ڦروجیک ڦمباڻون سمو لا کامقوغ ڄامت
Majlis Persementahan Projek Pembangunan Semula Kampung L^{...}
sebagai
Kampung Pelancongan Warisan
(Pakej 1: Laman Warisan Serunding)
Ahad, 31 Oktober 2021

Pembangunan ekonomi juga meliputi semua aspek moral, sosial, material dan spiritual. Kesemua ini perlu seiringan dalam penghayatan kehidupan manusia untuk terus mengimbangi urusan dunia dan akhirat.



Fiqh muwazanat menitik beratkan 3 keseimbangan iaitu:

- a. Keseimbangan dalam Politik dan Pentadbiran
- b. Keseimbangan dalam Sosial dan Ekonomi
- c. Keseimbangan dalam Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan





3 fokus utama yang saya garapkan pada permulaan penggal pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan yang keempat Belas iaitu

**Menangani Gejala Sosial dan Aktiviti Maksiat,
Kebersihan dan Keceriaan serta
Mewujudkan peluang pekerjaan
dari industri hiliran berdasarkan
sumber asli**





Kita perlu memahami dan menyedari pandemik COVID-19 telah banyak mengubah sosio ekonomi rakyat.

Rakyat perlu dibantu dan disantuni supaya dapat keluar daripada belenggu kesan COVID-19 yang mungkin mengambil masa untuk pulih sepenuhnya lebih-lebih lagi rakyat juga terkesan dengan musibah banjir.



2022

Saya ingin menekankan setiap dasar program yang akan dilaksanakan bermula tahun 2022 perlu ditambahbaik, dinilai dan diberi nafas baharu supaya lebih berkesan dan sesuai dengan perkembangan semasa. Dasar dan program yang hendak dilaksanakan perlu sentiasa membetuli syariat. Kita perlu merakyatkan lagi dasar yang kita ada. Ini termasuklah pemantauan dan penilaian berterusan pelaksanaan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan. Diharap pihak Setiausaha Kerajaan Negeri dapat mengambil langkah proaktif dalam perkara ini.





Firman Allah SWT dalam Surah Ali – Imran, ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.



Majlis Sosial Negeri Kelantan yang akan berperanan sebagai platform utama di peringkat negeri bagi meneliti secara terperinci segala isu berkaitan sosial untuk mencari penyelesaian yang mampan.

mekanisma **Perancangan Sosial** yang bertaraf agensi pusat di peringkat persekutuan, negeri dan daerah untuk merancang, melaksana, memantau, menyelaras dan menilai keberkesanan perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan sosial dalam masyarakat.



Majlis Sosial Negeri akan lebih memberi ruang kepada keterlibatan wakil rakyat dalam pembangunan sosial dan memperluaskan peranan kepimpinan di peringkat akar umbi dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan sosial.



Saya mengharapkan semua pihak termasuklah Ketua-Ketua Jajahan, Penggawa dan Penghulu agar dapat menfokuskan kepada kerjasama antara agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan termasuklah agensi swasta dan juga badan bukan kerajaan.

Persaingan dan pertindihan peranan antara pelbagai agensi dan sektor perlu dikurangkan dan diatasi agar penggunaan sumber dan tenaga dapat dioptimumkan.





Firman Allah SWT dalam Surah Al- mudassir, ayat 1 - 4:

يَا يَهُآ الْمَدْتَرُ قُمْ فَانْذِرْ وَرَبَّكَ فَكِيرْ وَثِيَابَكَ فَطَهِيرْ

Hai orang yang berselimut, bangunlah, lalu berilah peringatan (kepada manusia) dan Tuhanmu agungkanlah, dan pakaianmu bersihkanlah



ASPEK KEBERSIHAN DAN KECERIAAN

Saya yakin dengan pelancaran Dasar Kelantanku Bersih akan lebih memberi penekanan kepada peranan kerajaan, pihak swasta, NGO serta masyarakat bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan amalan kebersihan secara menyeluruh dan holistik selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam



MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN

Pembangunan Ladang Solar di Danau To' Uban, sehingga kini projek tersebut telah mewujudkan 300 peluang pekerjaan yang diisi oleh 90% tenaga kerja tempatan. Tambahan pula 1000 unit sangkar ikan air tawar di Danau To' Uban akan ditambah bagi melengkapkan Danau To' Uban sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) sekaligus menambah peluang pekerjaan dalam kawasan ini.



RM4.5 juta

bantuan usahawan muda



Saya berbangga dengan anak muda Kelantan di mana saat pandemik melanda, mereka mampu bertahan malah mengembangkan lagi perniagaan mereka sehingga mampu menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor makanan dan minuman dengan memanfaatkan aplikasi digital. Ini selaras dengan apa yang saya umumkan di dalam bajet 2022 iaitu peruntukan sebanyak RM4.5 juta untuk bantuan usahawan muda.



Kerajaan Negeri juga telah meluluskan RM285,000 bagi membiayai Program Peningkatan Daya Saing dan Inovasi Usahawan Kelantan dengan kerjasama SIRIM Berhad.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut meluluskan RM100,000 melalui Majlis Pembangunan Usahawan Kelantan (MPUK) untuk membiayai program Misi Support Usahawan.



Komitmen Kerajaan Negeri ini hendaklah disambut oleh PBT dalam aspek urus tadbir di bawah tanggungjawab PBT dengan memberikan sepenuh kerjasama kepada usahawan yang terbabit. Ahli Majlis pula hendaklah memainkan peranan yang sewajarnya dalam perkara ini





Daripada Abdullah bin Umar RA, sabda Rasulullah SAW:

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ...

"Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggung jawab atas rakyatnya..."

[HR Muslim, no: 3408]





RM10 juta setahun bagi tempoh 5 tahun

Peruntukan ini akan dapat membantu KIAS dalam pemerkasaan pengurusan kewangan, pemantapan tadbir urus, pemerkasaan ahli akademik, peningkatan kualiti akademik, pemerkasaan pelajar dan pembangunan prasarana. Kerajaan Negeri juga mensasarkan dalam tempoh 3-5 tahun KIAS akan menjadi sebuah universiti penuh





ILDAN berperanan sebagai penyelaras, penggubal kurikulum, menyediakan modul latihan serta mengenalpasti bidang-bidang yang diperlukan oleh industri dan pasaran kerja di masa hadapan.



Negeri Kelantan terkenal dengan suasana kehidupan beragama, dimana program keagamaan, bacaan al-quran, kuliah – kuliah agama di masjid dan surau sudah menjadi sangat dekat dengan rakyat negeri serambi mekah ini.



Oleh itu, memasuki fasa 4 ini, saya berharap agar pengisian dan program di masjid dan surau seluruh negeri Kelantan dapat diaktifkan dan disusun kembali program-program di bawah Bahagian Dakwah Halaqat Negeri Kelantan dengan pematuhan garis panduan yang ditetapkan



MAWADDAH CENTRE

Pusat Pembangunan Keluarga Mawaddah di Negeri Kelantan (Mawaddah Centre) akan menjadi pemangkin kepada pembangunan Keluarga di negeri Kelantan dalam mencapai salah satu matlamat perlaksanaan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan.



Semoga pengisian dan program akan dapat diteruskan dan ditambah baik dari masa ke semasa



PEMBANGUNAN WILAYAH


Pembangunan dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 2022 adalah bernilai **RM2.683 Bilion** berbanding **RM300.4 Juta** pada tahun 2021.





PELANCONGAN

Saya mengucapkan tahniah kepada **Majlis Daerah Dabong** yang telah mempopularkan **Train To Dabong** sebagai produk pelancongan domestik yang terkenal, semoga dapat ditambah baik dan dicontohi PBT-PBT lain.



PEMBANGUNAN BELIA

Kolaborasi antara 3 agensi utama belia iaitu Jabatan Belia dan Sukan, Urusetia Belia dan Sukan (U-BES), serta Majlis Sukan Negeri (MSN) menjadi pemangkin kepada pembangunan belia secara bersepadu dan seimbang.





Saya bersyukur hubungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan terus kukuh. Hubungan kukuh ini kekal erat dengan sikap kita yang mengambil pendekatan musyawarah bagi manfaaat dan kesejahteraan rakyat.



PERTAMA

Keseimbangan

10 AMANAT

KEPADА PENJAWAT AWAM

Penjawat awam perlu ada keseimbangan dalam menjalankan tugas mengikut keutamaan. Keputusan-keputusan yang telah dibuat di peringkat kerajaan mestilah dilaksanakan sebaik mungkin demi kepentingan rakyat serta mencapai KPI yang telah digariskan.





10 AMANAT

KEPADА PENJAWAT AWAM

Penjawat perlu mengutamakan apa yang lebih utama berbanding perkara lain dengan memahami visi dan misi serta hala tuju Kerajaan Negeri





10 AMANAT

KEPADА PENJAWAT AWAM

Perlu ada kerjasama dalam menerokai peluang kerjasama diantara Agensi Negeri dan Persekutuan termasuklah Badan Bukan Kerajaan. Ketua Jabatan dan para pegawai perlu bijak mengambil peluang dalam mendapatkan peruntukan-peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi manfaat dan kesejahteraan rakyat.





10 AMANAT

KEPADА PENJAWAT AWAM

Konsep turun padang

mestilah dijadikan mekanisma untuk dekat dengan rakyat bagi memahami dan menyelesaikan masalah-masalah rakyat dipelbagai peringkat.





10 AMANAT

KEPADА PENJAWAT AWAM

Kita berhadapan dengan penyaluran maklumat yang sangat pantas.

Perkara ini perlu diambil perhatian dalam usaha penyebaran dan penyaluran maklumat kepada rakyat perlu dipertingkatkan dengan memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi dan aplikasi terkini





10 AMANAT

KEPADА PENJAWAT AWAM

**Penjawat awam perlu peka
dan ikut serta terhadap perkembangan semasa mengenai dasar
dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan
memastikan keberhasilan dan mencapai objektif.**





KETUJUH

Atasi Kelemahan

10 AMANAT KEPADА PENJAWAT AWAM

**Kurangkan elemen kelemahan
yang boleh merencatkan sistem penyampaian Kerajaan seperti dalam
agihan peruntukan dan bantuan kepada rakyat.**





10 AMANAT KEPADА PENJAWAT AWAM

Budaya postmortmen sangat perlu dititikberatkan dan kelemahan-kelemahan yang wujud perlu diambil tindakan supaya tidak berulang.





10 AMANAT

KEPADА PENJAWAT AWAM

**Penjawat awam perlu bersedia dan sentiasa terbuka
dalam apa jua situasi, berlapang dada dalam menerima teguran
dan merendahkan keegoan.**



10 AMANAT

KEPADА PENJAWAT AWAM

**Jagalah integriti kita dalam setiap gerak laku
dalam pekerjaan. Jagalah nama baik Kerajaan. Ini semua
tanggungjawab kita.**





Andai bekerja setulus niat, akan dinilai sebagai ibadat, andai pekerjaan kurang cermat, akan tersasar dari matlamat, andai bekerja dengan teliti, hasilnya pasti memuaskan hati, andai pekerjaan memberi manfaat, pahalanya menjadi bekal akhirat.



**Penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Ahli-ahli yang berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai serta seluruh
penjawat awam Kelantan yang sentiasa komited untuk memakmurkan
negeri dan mensejahteraan kehidupan rakyat.**



**Tidak lupa kepada pasukan barisan hadapan yang berusaha
sehingga ke hari ini bagi membendung penularan COVID-19.**



Semoga kedatangan tahun baharu 2022, kita akan lebih cemerlang dengan keazaman dan semangat baharu untuk negeri Kelantan yang kita sayangi, semoga Allah memandu kita semua dengan taufik dan hidayatNya

